# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 10 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SYOR BERAS TEMPATAN DI SABAH MASUK SENARAI BARANG KAWALAN, NASIONAL, BERITA HARIAN AHAD -9 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | KEKURANGAN BEKALAN BERI GAMBARAN BERLAKU MANIPULASI PASARAN, , NASIONAL, BERITA HARIAN AHAD -9 | |
| 3. | TELITI SEMULA SYOR PINDAAN AKTA KAWALSELIA PADI DAN BERAS, KAWALAN GRED DAN HARGA, TEMPATAN, HARIAN EKSPRES-1 | |
| 4. | KERAJAAN TELITI POLISI RANTAIAN BEKALAN AGROMAKANAN, DLM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA-6 | |
| 5. | KPKM DENGAN KERJASAMA RENTAS AGENSI TERLIBAT DALAM PROGRAM BERAS GANU, NEWS, ASTRO AWAN-ONLINE | |
| 6. | BERAS GANU MYGAP, KPKM PELBAGAI AGENSI TERLIBAT, NEWS, KAMPUNG MAMAK-10 | |
| 7. | ARMIZAN CADANG BERAS TEMPATAN SABAH MASUK SENARAI KAWALAN HARGA, NEWS, MALAYSIAKINI-ONLINE | |
| 8. | KAJI SEMULA DASAR KETERJAMINAN MAKANAN, NEWS, MALAYSIA GAZETTE-ONLINE | |
| 9. | SYOR MASUKKAN BERAS TEMPATAN SABAH DALAM SENARAI KAWALAN HARGA – ARMIZAN, NEWS, SABAH GAZETTE | |
| 10. | KERAJAAN TELITI POLISI RANTAIAN BEKALAN AGROMAKANAN, NEWS, UM-ONLINE | |
| 11. | IMPORTED RICE WILL BECOME MORE EXPENSIVE, NATION, CHINA PRESS-A3 | |
| 12. | LODGE COMPLAINT TO REGULATORY BODY IF THERE IS SHORTAGE OF RICE OR HIGHER THAN CEILING PRICE, NATION, CHINA PRESS-A3 | |
| 13. | NO COMPLAINT ON THE RICE SHORTAGE SO FAR, NEWS, CHINA PRESS | |
| 14. | CAP URGES MINISTRY TO CRACKDOWN ON PROFITEERS, ALLEGES SHORTAGE OF LOCAL RICE, NATION, KWONG WAH YIT POH-A2 | |
| 15. | MAFS : PRICE OF IMPORTED RICE WILL RISE FURTHER, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A2 | |
| 16. | TERENGGANU RICE SSL IS ACTUALLY 56 PCT, NATION, SIN CHEW DAILY-3 | |
| 17. | SHORTAGE OF LOCAL RICE IN PENANG, NATION, SIN CHEW DAILY-3 | |
| 18. | DEAD FISH FLOATING NOT IN SABAH WATERS, SAYS JEFFREY, NATION, DAILY EXPRESS-5 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 19. | NAFAS PERTAHAN POLISI PERTANIAN, DLM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA-8 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 20. | KEAJAIBAN PESAWAH KEDAH, PERLIS, DLM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA-1, 4, 5 | LAIN-LAIN |
| 21. | ADA TANAH TAPI TAK CUKUP MAKANAN, DLM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA-11 | |
| 22. | BOHONG DIRI PASAL PADI, NASIONAL, SH-32 | |
| 23. | SIM CHONG SIANG: SHORTAGE OF RICE AND SUGAR IS CAUSED BY PANIC PURCHASE, NEWS, SIN CHEW DAILY-3 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Syor beras tempatan di Sabah masuk senarai barang kawalan | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 56,027 |
| Page No | 9 | Readership | 168,081 |
| Language | Malay | ArticleSize | 523 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 17,385 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 52,154 |



# Syor beras tempatan di Sabah masuk senarai barang kawalan

## Pertimbangan bawa bekalan dari Semenanjung bolehkan rakyat nikmati harga lebih rendah




*Armizan menunjukkan harga barang jualan Rahmah pada Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di Pekarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang, Papar, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Papar:** Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata pihaknya telah mencadangkan supaya beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai barang kawalan harga bagi membantu rakyat di Negeri di Bawah Bayu itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) itu berkata pihaknya telah mengemukakan mengenai perkara itu kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor bagi merealisasi hasrat itu.

"Disyorkan KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Sabah untuk meneliti kesesuaian dan mempertimbangkan pindaan dibuat kepada perintah sedia ada bagi membolehkan harga beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai kawalan harga.

"Pindaan kepada perintah ini boleh disusuli dengan pertimbangan membawa bekalan beras putih tempatan dari Semenanjung ke Sabah untuk membolehkan rakyat di Sabah juga memanfaatkan alternatif harga beras yang lebih rendah melalui beras putih tempatan," katanya selepas mengadakan tinjauan ke Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di Pekarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang di sini, semalam.

### Industri di Sabah berbeza

Menjelaskan situasi itu, Armizan berkata, kawalan harga beras tempatan terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Kawal Selia Padi dan Beras, KPKM.

Beliau berkata, punca kuasa perkara itu merujuk kepada Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522) 1994, Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) (No.5) 2008, bagaimanapun beras tempatan Sabah tidak termasuk dalam senarai dikawal harga.

Katanya, ini kerana pihaknya difahamkan industri beras tempatan di Sabah sedikit berbeza dengan Semenanjung sebagai contoh kapasiti saiz kilang padi, daya kecekapan dan daya saing antara pengilang di Sabah adalah lebih rendah berbanding Semenanjung.

"Tahap infrastruktur berbeza ditambah cabaran musim banjir juga memberi kesan kepada kualiti pengeluaran padi. Kaedah agihan subsidi juga berlainan sebagai contoh benih padi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Atas sebab itu, harga beras tempatan di Sabah tidak termasuk dalam perintah pengawalan.

"Selain mengambil kira kadar penghasilan padi rendah lima peratus serta kos pengeluaran padi yang tinggi, harga jualan beras tempatan Sabah adalah lebih tinggi dan tidak dikawal harganya. Ini bertujuan untuk menyokong industri beras tempatan Sabah terus kekal mampan dan berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Armizan berkata pihaknya sedang berusaha untuk mengadakan Jualan Rahmah sebanyak dua kali sebulan di lebih 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara bagi membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan harga barang keperluan.

"Inisiatif ini susulan peruntukan tambahan RM50 juta untuk memperluaskan Jualan Rahmah seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 30 Julai lalu, bagi menawarkan barang keperluan dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat," katanya.

BERNAMA

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kekurangan bekalan beri gambaran berlaku manipulasi pasaran | | |
| MediaTitle | Berita Harian Ahad | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 56,027 |
| Page No | 9 | Readership | 168,081 |
| Language | Malay | ArticleSize | 323 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,695 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,085 |



# Kekurangan bekalan beri gambaran berlaku manipulasi pasaran

"KPKM perlu lebih proaktif memastikan pengguna tidak ditindas pihak bertanggungjawab yang ingin meraih keuntungan dengan memanipulasi beras tempatan sebagai beras"



***Ronald Kiandee,***
*Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Pertanian Perikatan Nasional (PN)*

**Kota Kinabalu:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) diminta menghentikan sindrom penafian berhubung skandal manipulasi pemasaran beras putih tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Portfolio Pertanian Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, sebaliknya mahu kementerian itu lebih serius dalam usaha menangani kekurangan bahan makanan berkenaan.

Katanya, kementerian berkenaan perlu lebih peka terhadap isu kekurangan beras putih tempatan yang berlaku ketika harga runcit beras putih import naik.

Beliau mendakwa situasi kekurangan beras putih tempatan ketika ini memberi gambaran seolah-olah berlaku skandal manipulasi pasaran.

## Perbezaan harga ketara

Katanya, amat menghairankan keadaan itu berlaku apabila harga beras putih import naik hingga RM3.90 sekilogram, berbanding harga kawalan runcit beras putih tempatan yang lebih rendah iaitu RM2.60 sekilogram, jika tiada sebarang unsur manipulasi.

"Perbezaan harga yang ketara di antara beras putih tempatan dan beras putih import pastinya menjadi antara faktor pendorong kepada skandal manipulasi untuk terus berlaku," katanya dalam kenyataan, di sini.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan itu berkata, negara secara konsisten berjaya mengeluarkan beras tempatan hingga mencapai 65 peratus tahap sara diri (SSL) manakala hanya 35 peratus beras yang diimport.

Katanya, sebahagian besar beras yang diimport itu adalah beras wangi dan beras istimewa, berbanding beras putih biasa.

"Persoalannya di mana pergi beras putih tempatan yang tiba-tiba berkurangan secara ketara ketika ini? Apakah jaminan kementerian bahawa kekurangan ini tiada kaitan dengan kenaikan harga runcit beras import?

"Tindakan menteri bertanggungjawab dan kementerian sekadar mengeluarkan kenyataan penafian bahawa tiada manipulasi beras tempatan dijual sebagai beras import amat tidak memadai," katanya.

Justeru, katanya, KPKM perlu lebih proaktif memastikan pengguna tidak ditindas pihak bertanggungjawab yang ingin meraih keuntungan dengan memanipulasi beras tempatan sebagai beras import.

Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran turut menyifatkan tindakan mengehadkan pembelian 100 kilogram bagi setiap individu yang diumumkan KPKM seperti melepaskan batok di tangga.

Beliau berkata, ia tidak menampakkan kesungguhan dan keprihatinan kerajaan kerana pengumuman seperti itu tidak memberi kesan jika tidak disusuli dengan tindakan penguatkuasaan yang berkesan.

Katanya, kerajaan membelanjakan lebih RM1.8 bilion setahun melalui pelbagai subsidi untuk memastikan rakyat negara ini menikmati beras putih tempatan dengan harga RM2.60 sekilogram.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Teliti semula syor pindaan Akta Kawalselia Padi dan Beras, kawalan gred dan harga - | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 472 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,508 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,524 |






ARMIZAN menunjukkan harga barang jualan Rahmah pada Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di Perkarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang, Papar pada Sabtu. – fotoBERNAMA

# Teliti semula syor pindaan Akta Kawalselia Padi dan Beras, kawalan gred dan harga - Armizan

**Aishah Abdullah**

PAPAR: Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, mencadangkan kepada kerajaan untuk meneliti semula syor pindaan ke atas Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522) 1994, Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) (No.5) 2008.

Katanya, cadangan itu telah dikemukakan kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dalam mesyuarat Kabinet yang juga diambil maklum Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat lepas.

Beliau juga telah menghubungi Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor berhubung cadangan pindaan akta tersebut untuk mengadakan perbincangan segera antara Kerajaan Persekutuan dan negeri.

"Kita berharap supaya kedua-dua pihak dapat berunding dan dapat mencapai kata putus mengenai pindaan itu," katanya ketika ditemui pemberita selepas hadir melancarkan Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di perkarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang di sini, pada Sabtu.

Menurut Armizan, Kawalan harga beras tempatan terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Kita mengetahui bahawa harga beras import di negara kita ini meningkat, disebabkan faktor di luar bidang kawalan kita. Kenaikan ini melibatkan pelbagai faktor geopolitik keputusan kerajaan-kerajaan negara pengeksport tertentu yang mengurangkan bekalan eksport dan sebagainya, namun di peringkat persekutuan kita menjaga kepentingan dan juga nasib rakyat itu melalui satu kaedah antaranya kita meneruskan apa yang kita sebutkan barangan kawalan harga untuk beras putih tempatan iaitu pada kadar RM2.60 sekilogram.

"Di peringkat persekutuan dan sekarang kita tahu ada isu aduan bekalan di sana sini dan ini kita pantau bersama KPDN dan juga Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan yang merupakan agensi Kawal Selia utama berkaitan dengan isu bekalan beras ini," jelasnya.

Jelas beliau lagi, pihak agensi kawal selia turut memantau dua aspek memastikan bekalan beras putih tempatan itu ada di pasaran dan harga tersebut ditawarkan mematuhi harga yang ditetapkan RM2.60, itu yang kita laksanakan, kita pastikan ada bekalan untuk rakyat kita sebagai alternatif kepada beras import.

"Mereka boleh memilih beras tempatan yang ditawarkan namun di Sabah isunya sedikit mencabar kerana di Sabah kita tahu Tahap Sara Diri (SSL) padi dan beras hanya kadar 5 peratus. Bekalan beras putih tempatan di Sabah jauh lebih rendah berbanding kadar beras nasional," katanya.

Armizan menambah, apa yang lebih mencabar sejak tahun 2008 bila dikeluarkan satu yang dinamakan Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) (No.5) 2008 di bawah akta kawal selia beras di bawah Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522) 1994.

Dalam perintah beras tersebut disenaraikan perintah untuk dikawal harga beras putih tempatan dan Sabah tidak termasuk dalam senarai tersebut.

"Ini bermaksud pengawalan beras putih tempatan RM2.60 tersebut tidak terpakai untuk Negeri Sabah. Perintah ini dikeluarkan pada tahun 2008 dan kita difahamkan bahawa tindakan tersebut dibuat adalah mengambil kira kadar SSL (5 peratus) yang rendah di Sabah dan juga kos pengeluaran padi yang tinggi di Sabah berbanding di Semenanjung Malaysia," katanya.

Beliau berharap perbincangan mengenai pindaan akta dan perintah kawalan gred dan harga beras ini dapat disegerakan supaya rakyat Sabah khususnya golongan yang berpendapatan rendah dapat menikmati bekalan beras tempatan ini pada kadar RM2.60 sekilogram.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan teliti polisi rantaian bekalan agromakanan | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Black/white |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 6 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 182 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,727 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 17,182 |



# Kerajaan teliti polisi rantaian bekalan agromakanan

**PETALING JAYA:** Penyelarasan rantaian bekalan dan menambah baik akses pasaran dalam sektor agromakanan adalah antara keutamaan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam meneliti dasar dan menyesuaikan polisi agromakanan negara dengan cabaran ketika ini.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, mengambil iktibar daripada pengalaman ketika dan pasca pandemik adalah antara keutamaan yang diberikan adalah menyelaras semula rantaian bekalan agromakanan supaya menjadi lebih efisien dan menyeluruh.

"Selain itu menambah baik akses pasaran dalam dan luar negara kepada pengusaha agromakanan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* dalam laporannya mengutarakan pandangan pakar-pakar pertanian yang berpendapat sudah tiba masanya kerajaan merombak polisi pertanian lapuk yang wujud sejak enam dekad lalu dengan memperkenal polisi lebih terbuka bagi memastikan keterjaminan sumber makanan negara pada masa akan datang.

Polisi pertanian lapuk terutama jualan, pengedaran dan pengagihan input pertanian seperti benih dan baja yang masih dipusatkan di bawah satu agensi atau entiti, dilihat menyukarkan negara untuk keluar daripada kebergantungan import.

Malah, matlamat Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang mahu memastikan sektor keterjaminan makanan negara yang mampan tidak akan tercapai jika polisi itu terus dikekalkan.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman berkata, agenda reformasi masa depan sektor makanan perlu dibincangkan bagi mengelakkan negara terus bergantung kepada import.

Katanya, ini kerana beliau bimbang keadaan bertambah parah dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang dan menyebabkan kebergantungan tinggi terhadap import.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# KPKM dengan kerjasama rentas agensi terlibat dalam Program Beras Ganu



*Pada 2021, sebanyak 450 tan metrik berjaya dihasilkan dan hanya merupakan enam peratus daripada bekalan beras di pasaran Terengganu. - Gambar hiasan*

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Jabatan Pertanian turut terlibat dalam Program Beras Ganu yang mendapat Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

Agensi lain yang terlibat adalah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA), Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Pejabat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam kenyataan media pada Sabtu memaklumkan pesawah yang terlibat hanya memperoleh insentif upah mesin padi RM8 bagi setiap guni (85 kilogram) pada 2021 dan RM9/guni pada 2023 yang merupakan sumbangan kerajaan negeri.

"Ini adalah sebagai tambahan kepada bantuan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi insentif tanaman padi melalui pemberian subsidi input seperti benih padi sah, baja, racun, bajak, kapur dan subsidi output Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) berjumlah hampir RM1.63 bilion setahun di seluruh negara termasuk di Terengganu," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, sehingga kini keluasan tanaman padi di Terengganu yang mendapat pensijilan myGAP adalah berjumlah 908.70 hektar daripada keluasan 12,000 hektar.

Dari segi penghasilan Beras Ganu myGAP pada 2021, sebanyak 450 tan metrik berjaya dihasilkan dan hanya merupakan enam peratus daripada bekalan beras di pasaran Terengganu.

"Untuk rekod, tahap sara diri (SSL) bagi beras di Terengganu pada 2022 adalah 56 peratus ekoran bencana banjir luar jangka yang berlaku dan bukannya 78 peratus seperti dilaporkan oleh sesetengah pihak," kata kenyataan itu.

Tular satu mesej yang mendakwa Terengganu berjaya meningkatkan kadar cukup sara diri beras dari 42.7 peratus pada 2019, 49.22 peratus (2020), 54.15 peratus (2021) dan 78.87 peratus pada 2022.

myGAP merupakan merupakan skim pensijilan yang dirangka dan dilaksanakan sejak 2002 untuk mengiktiraf ladang yang mengamalkan amalan pertanian baik bagi mengeluarkan makanan yang selamat dan berkualiti, menjaga keselamatan alam sekitar, serta menjamin keselamatan dan kebajikan pekerja.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2023 | KAMPUNG MAMAK | ONLINE | |

# Beras Ganu MyGAP, KPKM Pelbagai Agensi Terlibat

PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Jabatan Pertanian (DOA) dan beberapa agensi lain terlibat dalam program Beras Ganu myGAP.

KPKM dalam kenyataan berkata, program persijilan Skim Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) merupakan program yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan melalui DOA di seluruh negara.

Katanya, Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA KETARA), Kawalselia Padi dan Beras (KPB) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) terlibat dalam Program Beras Ganu myGAP.

ADVERTISEMENT SCROLL TO CONTINUE READING

"Objektif program myGAP meningkatkan bilangan petani supaya mengamalkan amalan pertanian baik dan diberi pengiktirafan menghasilkan pengeluaran ladang yang selamat dan berkualiti di samping memelihara alam sekitar serta menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja,"kata kenyataan itu di sini hari ini.

Kata kenyataan itu, sehingga kini, keluasan tanaman padi di negeri Terengganu yang mendapat pensijilan myGAP berjumlah 908.70 hektar dari keluasan 12,000 hektar.

Jelasnya, pesawah yang terlibat hanya memperolehi insentif upah mesin padi RM8 per guni (85 kg) pada tahun 2021 dan RM9 per guni (85 kg) pada tahun ini sumbangan kerajaan negeri.

ADVERTISEMENT SCROLL TO CONTINUE READING

"Ini adalah sebagai tambahan kepada bantuan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan bagi insentif tanaman padi melalui pemberian subsidi input seperti benih padi sah, baja, racun, bajak, kapur dan subsidi

output Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) berjumlah hampir RM1.63 bilion setahun di seluruh negara termasuk di Terengganu.

"Manakala dari segi penghasilan beras Ganu myGAP pada tahun 2021, sebanyak 450 metrik tan berjaya dihasilkan dan hanya merupakan 6 peratus dari bekalan beras di pasaran Terengganu," ujarnya.

Tambahnya, untuk rekod, tahap sara diri (SSL) bagi beras di Terengganu pada tahun lalu adalah 56 peratus ekoran bencana banjir luar jangka yang berlaku dan bukannya 78 peratus seperti yang dilaporkan oleh sesetengah pihak. – KOSMO! ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2023 | MALAYSIAKINI | ONLINE | |

# Armizan cadang beras tempatan Sabah masuk senarai kawalan harga

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Armizan Mohd Ali berkata pihaknya telah mensyorkan supaya beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai barang kawalan harga bagi membantu rakyat di Negeri di Bawah Bayu itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) itu berkata pihaknya telah mengemukakan mengenai perkara itu kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu dan Ketua Menteri Sabah Hajiji Noor bagi merealisasi hasrat itu.

"Disyorkan KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Sabah untuk meneliti kesesuaian dan mempertimbangkan pindaan dibuat kepada perintah sedia ada bagi membolehkan harga beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai kawalan harga.

"Pindaan kepada perintah ini boleh disusuli dengan pertimbangan membawa bekalan beras putih tempatan dari Semenanjung ke Sabah untuk membolehkan rakyat di Sabah juga memanfaatkan alternatif harga beras yang lebih rendah melalui beras putih tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan ke Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di Perkarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang di Papar, Sabah, semalam.

Menjelaskan situasi itu, Armizan berkata kawalan harga beras tempatan terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Kawal Selia Padi dan Beras, KPKM.

Beliau berkata punca kuasa perkara itu merujuk kepada Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522) 1994, Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) (No.5) 2008, bagaimanapun beras tempatan Sabah tidak termasuk dalam senarai dikawal harga.

Katanya ini kerana pihaknya difahamkan industri beras tempatan di Sabah sedikit berbeza dengan Semenanjung sebagai contoh kapasiti saiz kilang padi, daya kecekapan dan daya saing antara pengilang-pengilang di Sabah adalah lebih rendah berbanding Semenanjung.

"Tahap infrastruktur berbeza ditambah cabaran musim banjir juga memberi kesan kepada kualiti pengeluaran padi. Kaedah agihan subsidi juga berlainan sebagai contoh benih padi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Atas sebab itu, harga beras tempatan di Sabah tidak termasuk dalam perintah pengawalan.

"Selain mengambil kira kadar penghasilan padi rendah lima peratus serta kos pengeluaran padi yang tinggi, harga jualan beras tempatan Sabah adalah lebih tinggi dan tidak dikawal harganya. Ini bertujuan untuk menyokong industri beras tempatan Sabah terus kekal mampan dan berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Armizan berkata pihaknya sedang berusaha untuk mengadakan Jualan Rahmah sebanyak dua kali sebulan di lebih 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara bagi membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikkan harga barang keperluan.

"Inisiatif ini susulan peruntukan tambahan RM50 juta untuk memperluaskan Jualan Rahmah seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 30 Julai lalu, bagi menawarkan barang keperluan dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat," katanya.

- Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2023 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# Kaji semula dasar keterjaminan makanan

**KETERJAMINAN** makanan merupakan satu kebimbangan di peringkat nasional dan global. Menurut Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pada tahun 2022, antara 691 dan 783 juta orang di seluruh dunia mengalami kelaparan, dan majoritinya merupakan penduduk Asia. Manakala 425 juta orang di Asia dianggarkan mengalami kekurangan zat makanan. Meskipun Malaysia merupakan antara negara pengeluar minyak sawit dan beras tertinggi di Asia, negara kita masih menunjukkan arah aliran yang tidak stabil dalam keterjaminan makanan. Berdasarkan Indeks Makanan Keterjaminan Global (GSFI), pada tahun 2022 Malaysia menduduki tempat ke-41 daripada 113 negara iaitu penurunan sebanyak tujuh tangga berbanding kedudukan tahun 2021.

Oleh demikian, demi mengatasi masalah di atas, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) telah menjenamakan semula Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Untuk menangani isu keterjaminan makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah memperkenalkan dua dasar iaitu Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025 dan Dasar Agro-Makanan Negara 2021-2030. Kedua-dua dasar di atas menekankan tiga aspek penting yang boleh meningkatkan keterjaminan makanan Malaysia yakni mengurangkan tahap import dan eksport makanan, meningkatkan pertanian domestik dan meningkatkan pengeluaran komoditi.

Walaupun Malaysia melaksanakan dua dasar yang komprehensif untuk menangani masalah keterjaminan makanan, Malaysia masih mengalami penurunan tujuh anak tangga daripada tahun sebelumnya dalam penarafan GSFI. Justeru, terdapat tiga aspek penting untuk menambah baik GSFI Malaysia dan mengurangkan isu keterjaminan makanan. Strategi pertama ialah mengurangkan import makanan pada produk terpilih. Sebagai contoh, produk ayam. Nisbah sara diri (SSR) telur

ayam Malaysia adalah lebih daripada 100%, dan hampir 100% untuk daging ayam. Meskipun mempunyai SSR yang tinggi, jumlah ayam yang diimport meningkat sebanyak 30% daripada 7,800 tan pada Mei kepada 10,200 tan pada Jun 2022 selepas permit kebenaran import dimansuhkan. Dalam erti kata lain, rakyat Malaysia makan ayam lebih dari yang sepatutnya. Urus niaga import akan melibatkan mata wang tempatan (r inggit Malaysia) dan mata wang asing. Alhasil, kadar pertukaran mata wang bakal meningkat. Apabila Malaysia aktif melakukan urus niaga import, pertukaran mata wang yang tinggi juga berlaku, dan aliran mata wang ringgit Malaysia keluar adalah lebih tinggi. Perkara ini akan mengakibatkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia secara berperingkat berbanding semua mata wang lain.

Dalam majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Seri Dr Zahid Hamidi juga ada menyatakan kebergantungan kepada import makanan pada jangka masa yang panjang akan menjadikan Malaysia bankrap. Strategi kedua ialah mengurangkan eksport makanan. Padi adalah penting untuk keterjaminan makanan Malaysia kerana nasi merupakan makanan ruji bagi kebanyakan rakyat Malaysia. Menurut Institut Penyelidikan Khazanah, rakyat Malaysia mengambil purata 2.5 pinggan nasi setiap hari. Akibatnya, dari tahun 2000 hingga 2016, pengeluaran beras meningkat sebanyak 1.6%. Walau bagaimanapun, penggunaan beras Malaysia sentiasa mengatasi pengeluaran beras. Untuk rekod, nisbah SSR bagi beras di Malaysia juga menunjukkan penurunan, iaitu 62.90% pada tahun 2022 berbanding 71.60% pada tahun 2014.

Meskipun begitu, Malaysia masih mempunyai jumlah eksport padi yang tinggi, USD41.6 juta. Ketika Malaysia memperkenalkan Rancangan Malaysia Ke-8 yang memberi tumpuan kepada sektor perindustrian dan perkhidmatan, arah aliran pengurangan pengeluaran padi menjadi lebih ketara. Ini mengakibatkan keterjaminan makanan berada di paras yang kurang memuaskan, dan Malaysia terpaksa mengurangkan eksport untuk meningkatkan pengeluaran padi bagi memenuhi penggunaan tempatan. Strategi ketiga tertumpu kepada sistem bandar dan teknologi tinggi untuk meningkatkan produktiviti makanan. Berdasarkan GSFI, Singapura berada di kedudukan ke-28 walaupun keluasan tanahnya yang jauh kecil berbanding Malaysia.Sebagai perbandingan, keluasan Singapura hanyalah 719 km persegi iaitu lebih kecil dariada keluasan negeri Perlis yang mempunyai keluasan 819 km persegi.

Pada 2019, mereka melancarkan kempen 30 hingga 30. Ini adalah satu usaha untuk meningkatkan kapasiti sektor makanan pertanian bagi memenuhi 30% permintaan pemakanan global secara mampan menjelang 2030. Matlamatnya adalah untuk menubuhkan pusat teknologi pertanian bandar. Antara strategi dalam inisiatif 30 hingga 30 adalah pencahayaan LED berbilang tingkat dalaman dan sistem akuakultur peredaran semula, Ladang Ikan Terapung Pintar Teknologi Akuakultur Singapura yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk mengesan pertumbuhan dan kesihatan ikan, dan Sky Greens yang menggunakan sistem berasaskan peringkat berputar yang mengoptimumkan penyerapan cahaya dan air untuk menghasilkan sayur-sayuran berdaun. Dengan adanya sistem bandar berteknologi tinggi ini boleh meningkatkan pengeluaran agromakanan.

Malaysia turut meluncurkan inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan mengunakan teknologi tinggi. Di majlis peluncuran Ekonomi Madani, PMX telah menyatakan komitmen kerajaan untuk menyediakan geran sebanyak RM200 juta melalui Agrobank bagi membantu menyediakan kemudahan pembiayaan khususnya bagi aplikasi teknologi moden pertanian. Selain itu, baru-baru ini, Khazanah Nasional Bhd menganjurkan Cabaran Impak Inovasi Khazanah (KIIC) 2023 yang bertemakan, "Menangani Cabaran Iklim demi Keterjaminan Makanan di Malaysia". Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd berkata melalui KIIC 2023 ini, Khazanah Nasional dapat menawarkan sokongan yang diperlukan dan ini merupakan salah satu platform bagi menarik modal untuk menjana penyelesaian yang inovatif dan mampan.

Kesimpulannya, untuk menangani isu keterjaminan makanan di Malaysia, kerajaan harus mengkaji semula dasar keterjaminan makanan semasa dan mempertimbangkan bagaimana import, eksport dan sistem teknologi tinggi bandar boleh membantu.Sebagai tambahan kepada tiga aspek utama, adalah penting untuk menarik pakar yang juga komited mengenai sektor pertanian. Tanpa pakar, pelaburan untuk setiap sektor akan gagal, sama seperti pelaburan yang lain. Oleh itu, kerajaan perlu memberi inspirasi dan menarik minat generasi muda supaya mereka bekerja bersama dan mengenali potensi sektor pertanian. Apabila lebih ramai petani mendapat keuntungan daripada operasi pertanian mereka, mereka akan meningkatkan produktiviti pertanian dan seterusnya menangani masalah keterjaminan makanan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2023 | SABAH GAZETTE | ONLINE | |

# Syor masukkan beras tempatan Sabah dalam senarai kawalan harga – Armizan




PAPAR: Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata pihaknya telah mensyorkan supaya beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai barang kawalan harga bagi membantu rakyat di negeri ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) itu berkata pihaknya telah mengemukakan mengenai perkara itu kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Noor bagi merealisasi hasrat itu.

"Disyorkan KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Sabah untuk meneliti kesesuaian dan mempertimbangkan pindaan dibuat kepada perintah sedia ada bagi membolehkan harga beras tempatan di Sabah dimasukkan dalam senarai kawalan harga.

"Pindaan kepada perintah ini boleh disusuli dengan pertimbangan membawa bekalan beras putih tempatan dari Semenanjung ke Sabah untuk membolehkan rakyat di Sabah juga memanfaatkan alternatif harga beras yang lebih rendah melalui beras putih tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan ke Program Jualan Rahmah Kampung Kawang di Perkarangan Masjid Nurul Iman, Kampung Kawang di sini pada Ahad.

Menjelaskan situasi itu, Armizan berkata kawalan harga beras tempatan terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Kawal Selia Padi dan Beras, KPKM.

Beliau berkata punca kuasa perkara itu merujuk kepada Akta Kawalselia Padi dan Beras (Akta 522) 1994, Perintah Beras (Kawalan Gred dan Harga) (Pindaan) (No.5) 2008, bagaimanapun beras tempatan Sabah tidak termasuk dalam senarai dikawal harga.

Katanya ini kerana pihaknya difahamkan industri beras tempatan di Sabah sedikit berbeza dengan Semenanjung sebagai contoh kapasiti saiz kilang padi, daya kecekapan dan daya saing antara pengilang-pengilang di Sabah adalah lebih rendah berbanding Semenanjung.

"Tahap infrastruktur berbeza ditambah cabaran musim banjir juga memberi kesan kepada kualiti pengeluaran padi. Kaedah agihan subsidi juga berlainan sebagai contoh benih padi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Atas sebab itu, harga beras tempatan di Sabah tidak termasuk dalam perintah pengawalan.

"Selain mengambil kira kadar penghasilan padi rendah lima peratus serta kos pengeluaran padi yang tinggi, harga jualan beras tempatan Sabah adalah lebih tinggi dan tidak dikawal harganya. Ini bertujuan untuk menyokong industri beras tempatan Sabah terus kekal mampan dan berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Armizan berkata pihaknya sedang berusaha untuk mengadakan Jualan Rahmah sebanyak dua kali sebulan di lebih 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara bagi membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikkan harga barang keperluan.

"Inisiatif ini susulan peruntukan tambahan RM50 juta untuk memperluaskan Jualan Rahmah seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 30 Julai lalu, bagi menawarkan barang keperluan dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat," katanya.- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Kerajaan teliti polisi rantaian bekalan agromakanan



PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang meneliti dasar dan menyesuaikan polisi dengan cabaran semasa agromakanan negara ketika ini. Bercakap kepada Mingguan Malaysia, Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, penyelarasan rantaian bekalan dan menambah baik akses pasaran dalam sektor agromakanan adalah antara keutamaan dalam penelitian itu. "Mengambil iktibar daripada pengalaman ketika dan pasca pandemik, antara keutamaan yang diberikan...

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Imported rice will become more expensive | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 220 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,340 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,019 |




# 阿茲曼：國際米價續漲
# 進口白米將更貴

（吉隆坡9日讯）农业及食品安全部指出，按照此前的全球价格趋势，进口白米会变得更贵。

该部稻米产业发展组主任拿督阿兹曼说，目前的交易价格为每公吨700美元（约3274令吉），预计国际米价会持续上涨。

《星报》报导，他提到全球米价上涨的历史背景，尤其是在2008年全球白米危机期间，白米的国际贸易价格在4个月内飙升至少每公吨1000美元（约4677令吉）。

“白米价格上涨是由多种因素造成。这是我们无法控制的全球性问题。”

阿兹曼说，该部正积极在全国大规模推广“迷你适耕庄智能稻田耕作及灌溉创新”计划；此计划旨在确保我国的白米供应保持充足，特别是在进口可能中断的情况下。

## 最好自給自足

他认为，虽然我国没受印度停止大米出口的决定影响，也仍可从巴基斯坦、越南、柬埔寨和泰国进口白米，但最好可以自给自足。

阿兹曼说，在吉打和吉兰丹展开的该计划，若被证实成功，意味大马只需将本地大米的产量增加6公吨，即可满足国内需求。

他也说，最终目标是达到100%自给率，而目前进口白米的贸易库存可维持6个月。



■阿兹曼

针对米商要求政府促进公平竞争，并探讨让其他企业进口白米时，阿兹曼说，国家稻米公司（BERNAS）的进口特许经营权维持至2031年1月。

不过，他说，最终决定将取决于首相。

槟州米商公会主席陈佐明早前抨击该公司宣布进口白米涨价将近40%决定，并促请中央政府早日终决20多年来，进口白米被该公司垄断的不良局面。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Lodge complaint to regulatory body if there is shortage of rice or higher than ceiling price | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 122 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,407 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,220 |



## 發現缺貨或高過頂價

# 可投報白米監管機構

（吉隆坡9日讯）若发现本地白米供应短缺或价格高于顶价，公众可向农业及食品安全部属下的稻米与白米监管机构投报。

农业及食品安全部于社交媒体发文指出，若发现市场上的本地白米供应短缺，以及价格高于每公斤2令吉60仙顶价，那么公众可向稻米与白米监管机构投报。

“公众可通过http://skpb.kpkm.gov.my/adu，或电邮至aduankpb@kpkm，或拨电至03-88701751/1748/1183投报。

“不要默不作声，请即刻向我们投报，我们会进行调查。”




■若发现本地白米短缺或高于顶价，农业及食品安全部促请公众投报。

Powered by: isentia

| Headline | No complaint on the rice shortage so far | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press (Northern) | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 5,959 |
| Page No | C1 | Readership | 17,877 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 484 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,996 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,988 |





■陈太：送货时间变长了。

# 10公斤供全家吃很久

## 亞羅士打未有人抱怨



■王孙义

（亚罗士打9日讯）市场上本地白米数量减少，但因一包10公斤白米可供一家人食用多时，因此还未见消费者抱怨。

吉打杂货商公会主席王孙义接受《中国报》访问时指出，由于政府限制的关系，导致市面上本地白米短缺，也让商家不够货源售卖给消费者，至于不受管控的进口白米则不受影响。

他指出，由于一包白米可以让一家人食用一段时间，因此还不见有购买本地白米的消费者投诉。

他指出，有些消费者的购买能力较好，他们就可购买进口白米。

### 送貨時間拉長了

他指出，该会目前尚未与总会开会，还不知晓进一步详情，而根据农业及食品安全部部长拿督斯里莫哈末沙布指出，全国本地白米有望在一个月内，恢复正常生产。

此外，泰信贸易社行业者陈太指出，该店还是有得卖本地白米，并无缺货，只是送货的时间拉长了。

她说，一般上，该点向批发商进货，以前订购了大约一周就会安排送货，但如今最快都需要两周。

她指出，上周该店进了50包10公斤的白米，基于最近进口白米涨价，因此许多人会改买本地白米。

她说，10公斤进口白米涨大约8令吉，许多饭店业者会觉得不划算，因此会选择购买本地白米。

她指出，近来送来的本地白米质量没那么好，碎米较多，看起来像是没选得那么仔细。



■JJ超市还有售卖本地白米。

### 10公斤米一個月進貨兩次

JJ迷你市场店员纳塔莎（19岁）指出，该店10公斤的本地白米大约一个月进货两次，至于5公斤的本地白米则一个月一次。

她说，目前10公斤本地白米已售罄，至于5公斤的本地白米还有存货。

她指出，每次进货最少大约会来50包本地白米。

她说，由于本地白米最便宜，因此很多人会购买。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | CAP urges ministry to crackdown on profiteers, alleges shortage of local rice | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A2 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 83 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 931 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,792 |



# 槟消协促对付操纵市场者

# 囤积本地米卖外国人牟利



莫希丁阿都卡迪认为，如果政府采取必要行动，任何既得利益者操纵市场的意图将不能得逞。

（槟城9日讯）槟城消费人协会最近在槟岛的调查发现市场上严重短缺本地米，并有指这是因为一些商家囤积本地米，并以高达每10公斤30令吉的价格卖给外国人。政府规定的价格是每10公斤26令吉。

槟城消费人协会主席莫希丁阿都卡迪周六发文告时认为，如果政府采取必要行动，任何既得利益者操纵市场的意图将不能得逞。

"如果当局放松监控，不负责任分子将利用这个机会操纵市场来获取更大的利益。"

他指出，在1970年代，本地生产的白米可满足75%本国的需求，然而，近年来的生产白米只能满足60%至65%本地的需求。

"这种情况说明了马来西亚很容易受粮食欠安全的影响，而且因为几十年来寻求'发展'而变得更加严重。"

他也说，根据报道说，过去10年来，每季从厂购买的本地白米减少了约30%，而进口白米则增加，这种趋势令人担忧，这表示我国越来越依靠进口白米。

他表示，槟消协曾促请国内贸易与生活成本部，以及农业与粮食安全部立刻解决本地米短缺问题。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS : Price of imported rice will rise further | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 175 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,326 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,977 |



农业部：全球课题

# 进口米会再涨价

（八打灵再也9日讯）农业及粮食安全部表示，按过去全球白米价格飙升的经验，国内进口米价或将越卖越贵。

农业部农基工业发展组秘书拿督阿兹曼表示，借鉴过去全球白米价格上涨的历史，特别是在2008年全球白米危机期间，国际白米贸易价格在4个月内飙升到至少每吨1000美元（约4674令吉）。

"基于此，我们预计国际白米价格将继续上涨，目前白米交易价格约为每吨700美元（约3272令吉）。"

阿兹曼接受《星报》询问时指出，白米价格上涨乃是各种因素造成，属于农业部无法控制的全球课题。

国家稻米公司（BERNAS）于本月1日宣布，将进口白米价格调涨36%至每公吨3200令吉。

阿兹曼表示，该部正积极在全国范围大规模推广迷你适耕庄大型稻田精明计划（Smart SBB），此举旨在确保国内白米供应充足，特别是在进口或存在中断的情况下。

## 增产自给自足

他补充，尽管我国没有受到印度停止出口白米的决定影响，但也应该通过增加本地白米产量，以做好万全准备。

"我们仍可从巴基斯坦、越南、柬埔寨和泰国进口白米，但最好的办法是能够自给自足。"

他指出，倘若吉打和吉兰丹在Smart SBB模式中取得成功种植，也意味我国只需增加6公吨本地白米产量，就可满足国内市场的需求。

"我们的最终目标是达至100%自给自足，目前进口白米的库存仍可维持6个月。"

针对白米批发商要求政府促进公平竞争，探讨开放让其他公司参与进口白米时，阿兹曼表示，国家稻米公司的白米进口特许权有效期至2031年1月，惟最终决定仍由首相作出。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Terengganu rice SSL is actually 56 pct | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 3 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 201 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,273 |



## 農糧部澄清非78%

# 登稻米自給率實爲56%

（瓜拉登嘉楼9日讯）农业及粮食安全部澄清，去年登嘉楼州的稻米自供自给率（SSL）实为56%，而不是一些当事人所汇报的78%。

农粮部发布文告说，“大马良好农业规范认证（MyGAP）佳努白米”在2021年的产量高达450公吨，这仅占该州市场白米供应量的6%，而根据记录，基于水灾的侵害，该州的稻米自供自给率是56%，而不是某方所指的78%。

文告说，大马良好农业规范认证是联邦政府通过农粮部在全国实施的计划，“（MyGAP）佳努白米”包装上的“MAFI”字样指的是农粮部。




“（MyGAP）佳努白米”包装上的“MAFI”字指的是农业及粮食安全部。（当局提供）

### “MyGAP”表彰良好规范农场

“MyGAP”计划自2002年起，表彰一些实行良好农业规范的农场，生产安全优质食品、保护环境，并保证工人的安全和福利。

目前，登州稻米占地1万2000公顷，当中获得该认证的稻米面积则达到908.70公顷，而参与“（MyGAP）佳努白米”的各部门或机构隶属于农粮部，北登嘉楼综合农业开发区、稻米管理局（KPB）和农民协会（LPP）。

参与稻农获得由州政府发出的机械加工稻米工资奖励，即2021年为每袋（85公斤）8令吉，以及2023年为每袋（85公斤）9令吉，联邦政府则为他们种植的稻米提供各项奖掖，如合法水稻种子、化肥、农药、犁、石灰和白米价格补贴计划（SSHP）津贴，全国总额近16亿3000万令吉，受惠的包括登嘉楼。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Shortage of local rice in Penang | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 3 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 122 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,701 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,103 |



檳消協：超市貨架空了

# 檳島本地米嚴缺

（槟城9日讯）槟城消费人协会主席莫希丁阿都卡迪说，根据槟消协调查，槟岛市场的本地米严重短缺，有超市的本地米货架上已空置。

他今日发文告说，有说法指一些商家囤积本地米，并以高达每10公斤30令吉的价格卖给外国人，而政府规定的价格是每10公斤26令吉。

他认为，这情况说明了大马很容易受到粮食欠安全的影响，这几十年来寻求"发展"而变得更严重。

他说，在1970年代，本地米可满足我国75%的需求，但近年来的白米只能满足60至65%的本地需求。

## 促制裁操纵市场牟利者

他认为，若政府采取必要行动，任何既得利益者操纵市场的意图将不能得逞，但当局放松监控，不负责任分子将利用机会操纵市场来获取更大的利益。

"当局必须警惕和制裁那些操纵市场牟利者。"

他指出，有报道指出，过去10年来，每季从厂购买的本地米减少了约30%，而进口白米则增加，这种趋势令人担忧，这代表国民越来越依靠进口白米。

他再次促国内贸易及生活费部，以及农业及粮食安全部立刻解决本地米短缺的问题。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dead fish floating not in Sabah waters, says Jeffrey | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 5 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 96 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 204 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 612 |



# Dead fish floating not in Sabah waters, says Jeffrey

KOTA KINABALU: The State Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry said a viral video on dead fish floating in unidentified waters that was linked to the release of toxic waste in Fukushima, Japan, did not happen in Sabah.

Its Minister Datuk Seri Dr Jeffrey G. Kitingan said his Ministry through an investigation by the Sabah Fisheries Department confirmed that the incident of fish deaths to have occurred a few weeks ago on the West Coast of Peninsular Malaysia, that is, fish reared in cages.

He said the cause of death is also understood to be the occurrence of algae blooming and had nothing to do with the release of toxic waste.

"The Ministry would like to advise the public not to worry about the situation of fish that may be contaminated by toxic poison because the Sabah Fisheries Department and several agencies and relevant institutions are closely monitoring the situation and have taken precautionary measures.

"The Ministry is asking the public, especially fishermen, to report immediately if they see a large number of fish dying suddenly in any waters in Sabah," said Dr Jeffrey, who is also Deputy Chief Minister 1.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nafas pertahan polisi pertanian | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 8 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 134 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,403 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,210 |



# Nafas pertahan polisi pertanian

**PETALING JAYA:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mempertahankan sistem pemusatan agihan jualan, pengedaran atau input pertanian di bawah agensi tertentu yang dianggap penting untuk mengawal aktiviti berkenaan dalam menjamin bekalan yang cukup.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, polisi yang dilaksanakan ketika ini sudah betul.

Katanya, Nafas memiliki sejuta ahli dengan 99 peratus daripadanya adalah pesawah.

"Walaupun pertubuhan peladang, tetapi Nafas sama seperti agensi lain di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Jadi lebih banyak kebaikan sebab kerajaan senang kawal kita dan kita akan ikut apa sahaja arahan kerajaan.

"Kalau terbuka misalnya kepada swasta, mungkin tidak akan ikut (piawaian ditetapkan) sebab mahu cari untung semata-mata. Jadi, Nafas bukan begitu dasar kita. Betul mahu untung juga, tetapi tetap pastikan pesawah dapat baja berkualiti dengan harga murah.

"Satu ketika harga baja naik 100 peratus, kita tetap bekal (dengan harga murah). Kalau swasta harga naik mungkin terus naik juga," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas gesaan pakar-pakar bahawa sudah tiba masanya kerajaan merombak polisi pertanian lapuk yang wujud sejak enam dekad lalu dengan memperkenalkan polisi lebih terbuka bagi memastikan keterjaminan sumber makanan negara pada masa akan datang.

Mengulas lanjut, Zamri berkata, amalan pemusatan agensi tertentu bukan hanya dilaksanakan di negara ini, tetapi dipraktikan di negara lain.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Keajaiban pesawah Kedah, Perlis | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 1,4,5 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 2118 cm² |
| Journalist | MUHAMAD AIMY AHMAD | AdValue | RM 100,822 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 302,466 |





# Pesawah Kedah, Perlis cipta keajaiban

Memastikan bekalan beras negara cukup melalui projek perintis tanaman padi lima kali dua tahun termasuk meningkatkan pengeluaran padi hingga 10 tan sehektar.

BERITA DI MUKA 4&5

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Keajaiban pesawah Kedah, Perlis | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 1,4,5 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 2118 cm² |
| Journalist | MUHAMAD AIMY AHMAD | AdValue | RM 100,822 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 302,466 |

Memastikan bekalan beras negara cukup melalui projek tanaman lima kali dua tahun

# Keajaiban pesawah Kedah, Perlis

**Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD, MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
utusannews@mediamulia.com.my



PESAWAH melihat hasil padi yang dipindahkan daripada mesin padi ke lori sebelum dibawa ke pusat jualan di Kampung Alor Redis, Arau, Perlis. - MINGGUAN/IZLIZAN OTHMAN

**ALOR SETAR:** Ketika dunia berdepan kenaikan harga beras tertinggi dalam tempoh 15 tahun, rakyat boleh menarik nafas lega apabila usaha kerajaan meningkatkan pengeluaran padi melalui sistem penanaman lima kali dalam tempoh dua tahun membuahkan hasil.

Projek perintis yang dilaksanakan di Perlis dan Kedah bukan sahaja berjaya menambah pusingan penanaman padi tetapi juga dapat meningkat hasil bagi setiap hektar daripada sekitar empat hingga lima tan sehektar sebelum ini kepada kira-kira 10 tan sehektar.

Di Perlis, projek perintis penanaman padi lima kali dua tahun di Kampung Lat 1000 ternyata menunjukkan perkembangan positif dalam usaha mencapai tahap sara diri (SSL) pengeluaran beras apabila mampu menghasilkan 10.45 tan padi bagi setiap hektar sawah yang diusahakan.

Ini secara langsung meningkatkan pendapatan petani hingga 50 peratus.

Kira-kira 70 pesawah terlibat dengan Projek Smart Sawah Berkala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan Mada di Kampung Lat 1,000 itu membabitkan keluasan 100 hektar.

Melihat kepada perkembangan hasil padi berkenaan, projek tersebut mungkin diperluaskan pada musim depan melibatkan kawasan seluas 300 hektar di Kuala Sanglang.

Difahamkan hasil lebih 10 tan metrik per hektar itu disifatkan paling tinggi pernah direkodkan di negeri itu memandangkan hasil kebanyakan pesawah sebelum ini hanya sekitar empat ke lima tan metrik bagi keluasan sama.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, ketua projek, Allen Lim Mauson, 50, berkata, hasil padi pada musim ini di kawasan berkenaan mencecah sehingga 1,045 tan metrik iaitu jumlah yang cukup tinggi selepas pesawah mengikut kaedah penanaman Smart SBB.

Katanya, selepas Sekinchan, hasil lebih 10 tan metrik per hektar itu antara tertinggi di negara ini.

Katanya, selain teknologi moden serta sistem pengairan yang baik, usaha dan disiplin pesawah khususnya pengurusan bendang itu juga antara faktor kepada peningkatan hasil berkenaan.

**"Disiplin pesawah sangat penting khususnya dari aspek pengurusan sawah seperti masa untuk proses menabur baja, racun, buang padi angin selain sistem pengairan yang baik. Bukan sahaja di Perlis direkodkan paling tinggi malah di seluruh negara."**

"Berikutan peningkatan hasil berkenaan, pendapatan pesawah boleh mencecah sehingga RM10,000 per hektar berbanding sebelum ini sekitar RM4,000 ke RM5,000 iaitu peningkatan sehingga lebih 50 peratus.

"Hasil yang dituai musim ini selepas mengikut kaedah penanaman seperti di Sekinchan sangat tinggi selain hasil padi yang cukup cantik. Penanaman mengikut kaedah tersebut (projek Smart SBB Mini Sekinchan) itu perlu diperluaskan kerana hasilnya sudah nyata.

"Disiplin pesawah sangat penting khususnya dari aspek pengurusan sawah seperti masa untuk proses menabur baja, racun, buang padi angin selain sistem pengairan yang baik. Bukan sahaja di Perlis direkodkan paling tinggi malah di seluruh negara," katanya baru-baru ini.

Smart SBB mula diperkenalkan pada awal 2021 dan adalah satu inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk meningkatkan kadar SSL.

Difahamkan setakat ini, program tersebut telah dilaksanakan di kawasan seluas 11,000 hektar di seluruh negara melibatkan 4,000 pesawah dengan sasaran keseluruhan 240,000 pesawah terlibat dengan program Smart SBB itu.

Keluasan kawasan tanaman padi di seluruh Perlis ialah 29,200,72 hektar membabitkan 19,034,53 di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan 10,166,16 hektar di luar kawasan MADA dengan keseluruhan pesawah 17,930 orang.

Di Kedah pula, Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, projek rintis penanaman padi lima kali dua tahun dalam skala besar melibatkan MADA bagi kawasan jelapang padi dan Jabatan Pertanian Negeri Kedah untuk sawah luar.

Ismail berkata, sehingga kini pihaknya telah melaksanakan penanaman padi lima kali di kawasan seluas 213.99 hektar yang melibatkan 165 petani.

Antara lokasi tersebut adalah 51.6 hektar di Titi Baru; 16.6 hektar (Plot B); 52.9 hektar (Pantai Jamai) dan 48 hektar di Titi Gajah A, selain tiga lagi lokasi dalam Kawasan Muda di Perlis.

Beliau berkata, MADA memiliki seluas 30,000 hektar sawah di Kawasan Muda yang berpotensi dilaksanakan penanaman lima kali dalam tempoh dua tahun itu secara berperingkat dengan perancangan menambah baik infrastruktur pembinaan sistem tersier di kawasan berkenaan.

"Kawasan Muda merupakan jelapang padi terbesar di Malaysia yang merangkumi kawasan seluas 130,282 hektar yang mana 100,685 adalah kawasan penanaman padi yang terletak di Kedah dan Perlis.

"Malah, teknologi yang bersesuaian juga memainkan peranan untuk penghasilan padi lima kali dua tahun itu bagi memastikan tanaman padi dapat dilaksanakan dengan baik contohnya seperti penggunaan varieti tempoh matang pendek," katanya.

Ismail berkata, cadangan kerajaan melaksanakan penanaman padi sebanyak lima kali dalam tempoh dua tahun itu diyakini mampu meningkatkan semula pengeluaran padi sekali gus menjamin SSL beras negara.

"Dengan syarat bukan sahaja infrastruktur berada dalam keadaan baik tetapi pesawah mematuhi jadual penanaman yang telah ditetapkan kerana jika musim pertama sudah terlewat bagaimana mahu selitkan penanaman yang kelima dalam tempoh dua tahun itu," katanya.

Tambah beliau, tidak ada sebarang perubahan drastik dilaksanakan setakat ini bagi menjayakan agenda penanaman padi lima kali dua tahun itu kecuali penambahan satu musim antara tahun pertama dan kedua.

"Ini bermakna kalau hasil padi kali pertama dan kedua sekitar enam tan metrik per hektar, kita menganggap hasil padi pada penambahan musim penanaman juga sama jumlahnya yang secara tidak langsung meningkatkan hasil pengeluaran padi negara," katanya.

Sementara itu, penanaman bagi kawasan luar jelapang di Kampung Rantau Panjang, Kuala Muda, Kedah juga telah dimulakan sejak April lalu untuk musim 1/2023 sebelum penambahan satu pusingan

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Keajaiban pesawah Kedah, Perlis | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 1,4,5 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 2118 cm² |
| Journalist | MUHAMAD AIMY AHMAD | AdValue | RM 100,822 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 302,466 |

## Garis masa tempoh semusim tanam padi (105-110 hari)




penanaman sekitar Januari hingga Februari tahun depan bagi melengkapkan lima kali penanaman itu.

Projek rintis secara berkelompok di kawasan seluas 110 hektar yang dikelolakan Jabatan Pertanian Negeri Kedah itu menggunakan benih MR220 CL2 yang boleh dituai dalam tempoh tidak sampai 100 hari.

### TANAMAN LIMA MUSIM BERISIKO TERSASAR

Realiti tanaman padi lima musim yang pernah dilaksanakan sekitar 2015 hingga 2016 di Selangor tidak seperti digambarkan apabila projek perintis tersebut didakwa gagal mencapai matlamatnya.

Selangor hampir 10 tahun lalu menjadi pelopor kaedah tersebut melibatkan 60 petak sawah dengan keluasan keseluruhan 72 hektar pada empat blok kawasan di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang.

Bagaimanapun projek itu dianggap gagal kerana tidak mencapai matlamat yang menyasarkan hasil melebihi 40 tan metrik untuk satu pusingan bagi setiap petak sawah apabila berat padi diperoleh untuk kaedah tersebut hanya sekitar 12 hingga 15 tan.

Jumlah tersebut, 70 peratus jauh tersasar berbanding sasaran menyebabkan keseluruhan puluhan pesawah yang terlibat ketika itu kecewa dan menarik diri kerana kos yang terlalu tinggi dan tidak berpadanan dengan hasil.

Oleh demikian, cadangan kerajaan untuk melaksanakan projek sedemikian wajar diperhalusi sebelum dilaksanakan supaya matlamat peningkatan hasil dapat dicapai.

Bukan sahaja terhadap kualiti benih padi dan ketahanannya berdepan ancaman 'padi angin' serta serangan penyakit, bahkan kemampuan tanah sawah untuk 'menanggung beban' pusingan penanaman makanan ruji itu juga perlu dinilai.

Saipol Bahri Sahlan, 62, yang merupakan salah seorang pesawah terlibat melaksanakan projek tersebut sebelum ini mendedahkan, ketika itu pelbagai agensi kerajaan berkaitan sawah padi terlibat melaksanakannya.

"Cakap gagal terlalu kasar, tetapi itulah hakikatnya. Akhirnya pesawah sendiri mengeluh, ada juga yang 'menyumpah' kerana terlalu kecewa, lima musim bukan suatu yang mudah dan tempoh dua tahun itu bukan singkat.

"Lima musim dalam tempoh itu bermakna kos pesawah meningkat berbanding empat musim. Bagi satu musim, seorang pesawah menanggung sehingga RM2,000 kos bagi mengurus tanah dan meracun, itu selepas ditolak subsidi daripada kerajaan.

"Jadi, untuk lima musim pesawah belanja sekitar RM10,000 untuk keseluruhan, tetapi hasilnya pula kurang, sekitar lima hingga tiga tan semusim. Kalau dibandingkan dengan harga pukal padi sekarang pun, langsung tak berbaloi.

"Pada peringkat permulaan, memang pesawah pun teruja memandangkan hasil yang bakal diperoleh itu dilihat berbaloi dengan usaha, tetapi bila akhir-akhir musim cuma dapat lima hingga tiga tan, siapa sanggup buat," katanya ketika ditemui.

Dalam pada itu Saipol Bahari menjelaskan, kali pertama projek tersebut dilaksanakan di blok D, K, P dan V, Kampung Sawah Sempadan, mereka menggunakan jenis benih padi yang mengambil masa sekitar 100 hingga 105 hari untuk matang dan dituai.

Menurutnya, kawasan tersebut dipilih kerana berada paling dekat dengan tali air dan mempunyai saiz palong yang besar dan berupaya mengairi setiap 1.2 hektar petak sawah.

"Ketika itu kami menggunakan benih padi jenis MR220 CL yang diperkenalkan pada 2010. Benih tersebut pada musim biasa boleh hasilkan buah padi sekurang-kurangnya sekitar lapan tan. Kalau lima musim dalam dua tahun, sepatutnya boleh dapat 40 tan keseluruhan.

"Penanamannya dilakukan mengikut pelan dan jarak antara musim adalah sekitar 45 hari untuk pengurusan tanah.

"Tempoh 45 hari adalah minimum untuk pengurusan tanah, untuk dibakar, biar betul-betul kering dan diracun rumput sebelum memulakan musim seterusnya," katanya.

### 'TANAH KURANG REHAT'

Sementara itu, seorang lagi pesawah yang pernah menyertai projek tersebut, Rosul Sirat, 55, di Blok V kampung tersebut memberitahu, projek berkenaan dilihat gagal dan hasil padi tidak seperti diharapkan kerana faktor tanah 'kurang rehat'.

"Tanaman padi adalah pertanian yang kritikal kerana melibatkan pengairan dan penggunaan racun yang banyak.

"Satu musim, kita kena racun antara enam hingga 10 kali untuk memastikan bebas serangan serangga, penyakit dan sebagainya.

"Bayangkan dalam tempoh dua tahun hampir 50 kali tanah menyerap kandungan racun, baja dan selama ratusan hari ia berada dalam rendaman air bersama bahan tersebut. Jadi, tanah juga perlukan rehat," jelasnya.

Bagi seorang pesawah muda, Firdaus Mispar, 26, yang mempunyai sawah di blok P, K dan V memaklumkan, dia masih ingat kekecewaan pengusaha-pengusaha tanaman tersebut ketika itu yang rata-ratanya mengalami kerugian.

"Betapa kecewanya pesawah ketika itu. Mereka tak mahu lagi terlibat atau buat tanaman lima musim. Memang tanah tak cukup rehat, kalau dua musim ketika itu boleh dapat sehingga 12 tan semusim, projek lima musim pula pada musim terakhir dapat tiga tan, siapa sanggup?" Soalnya.

### SELESAIKAN MASALAH PENGAIRAN

Bagaimanapun bagi pesawah di Sekinchan, Pua Tian Wui, 32, menurutnya rata-rata pengusaha di sana mengetahui mengenai cadangan kerajaan untuk melaksanakan tanaman padi lima musim, namun mereka meminta masalah pengairan diselesaikan terlebih dahulu.

"Dua musim pun susah, apa lagi hendak buat lima musim dalam dua tahun. Kerajaan kena tolong selesaikan masalah pengairan, pergi tengok dalam palong, ada air tak sekarang? Sebab itu saya kena pam air dari parit air keluar.

"Masalah sedemikian kerap sangat berlaku terutama bila jarang hujan, kawasan sawah jadi kering, air dalam palong tak cukup dan pesawah terpaksa pam air.

"Hal itu pun sudah tambah kos, buat lima musim, lagi banyak belanja," katanya.

Seorang lagi pesawah di kawasan berkenaan, Ah Ti, 60, memberitahu, dia khuatir tanaman lima musim tidak menjadi kerana tanah perlukan rehat yang cukup supaya hasil bagi musim seterusnya tidak terjejas.

"Empat musim dapat 40 tan, lima musim dapat berapa? Tanah perlu rehat, kalau tak kering nanti hasil tanaman untuk musim seterusnya tak banyak.

"Sebab kalau buat lima musim, kalau hasil tak banyak, yang untung cuma tuan tanah.

"Di Sekinchan ini, mereka kutip sewa RM6,000 setiap musim, kalau lima musim mereka untung, kita kalau hasil banyak tak apa, kalau kurang macam mana?" Soalnya.



**SAIPOL Bahri Sahlan meninjau dan menunjukkan pintu saluran air yang masuk ke dalam petak dari palong dekat sawahnya di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang di Kuala Selangor, Selangor. - MINGGUAN/ SADDAM YUSOFF**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ada tanah tapi tak cukup makanan | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 231,329 |
| Page No | 11 | Readership | 693,987 |
| Language | Malay | ArticleSize | 827 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 39,519 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 118,556 |


[redacted]


AZNAN BAKAR




# Ada tanah tapi tak cukup makanan

ISU keselamatan makanan menjadi bualan dalam kalangan rakyat kebelakangan ini. Selain harga meningkat, kekurangan bekalan juga turut mencetuskan rasa resah kerana khuatir kebergantungan kepada import yang keterlaluan akan menyebabkan kita terperangkap dalam krisis.

Sebelum ini isu yang berkaitan kekurangan bekalan ini hanya melibatkan bahan makanan seperti ayam, ikan, telur dan sayur-sayuran.

Namun sejak kebelakangan ini kekurangan beras tempatan mencetuskan tanda tanya kerana negara kita hanya menggunakan 30 peratus beras import, bakinya dihasilkan sendiri. Tetapi apa yang berlaku di pasaran beras tempatan yang kurang.

Ia menjadi sedikit kalut apabila negara pengeksport beras terutama India bertindak untuk menghentikan eksport beras putih bagi melindungi permintaan tempatan selain, beberapa negara lain seperti Vietnam mahu menaikkan harga beras mereka.

Gabungan kenaikan harga beras import, kebimbangan terhadap kekurangan bekalan, dan dakwaan manipulasi oleh penjual sudah tentu menimbulkan satu lagi cabaran bagi kerajaan untuk mengekang masalah ini supaya tidak mencetuskan panik dalam kalangan rakyat.

Pada Khamis, Putrajaya mengenakan had 100 kilogram (kg) ke atas pembelian beras putih keluaran tempatan yang lebih murah berkuat kuasa serta-merta ketika Malaysia menangani masalah bekalan yang dikaitkan dengan sekatan eksport India baru-baru ini.

Kerajaan juga telah menjalankan pemeriksaan ke atas kilang komersial dan pemborong sejak Ogos ketika terdapat dakwaan bahawa beras keluaran tempatan dijual telah ditukarbel kepada import bagi mengaut keuntungan berganda.

Langkah terbaharu untuk menangani masalah bekalan makanan ruji itu diumumkan oleh Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azman Mahmood semasa Sesi Dialog Bajet 2024 bagi sektor padi dan beras negara yang dihadiri pemain industri yang diadakan pada Khamis lalu.



PADA tahun lalu sebanyak 74 peratus keperluan cili untuk rakyat Malaysia diimport.

Sekatan pembelian tersebut antara keputusan yang dibuat sehingga bekalan beras tempatan kembali normal. Ini ekoran siasatan mendapati ada peniaga membeli sehingga 7,000kg beras keluaran tempatan bagi menjimatkan kos dan mengaut keuntungan mudah.

Kebimbangan terhadap perbuatan manipulasi bekalan timbul ketika harga import dinaikkan secara rasmi bulan ini oleh pengimport tunggal Padiberas Nasional Bhd (Bernas).

Peningkatan sebanyak 36 peratus yang diumumkan pada 1 September kepada RM3,200 satu tan, daripada RM2,350 satu tan, dilakukan atas faktor-faktor termasuk kadar pertukaran mata wang yang lemah, kos operasi yang tinggi dan kesan larangan eksport beras putih yang diumumkan oleh India bermula Julai.

Apa pun Malaysia hanya mengimport 30 peratus beras. Baki 70 peratus lagi dihasilkan dari petak-petak sawah yang diusahakan oleh petani tempatan. Sepatutnya, isu kekurangan bekalan beras putih tempatan ini tidak timbul.

Tetapi disebabkan sektor makanan kita ini dikawal oleh kumpulan tertentu maka, apabila ada kesempatan untuk mengaut keuntungan

> **“Sebagai sebuah negara yang memiliki tanah pertanian yang luas, Malaysia tidak sepatutnya berhadapan dengan isu kekurangan bekalan makanan apatah lagi mencapai tahap krisis.”**

lebih, golongan ini tidak lagi memikirkan kepentingan awam. Mereka lebih mementingkan tembolok sendiri. Dan kerakusan mereka ini disokong pula oleh ketirisan di peringkat agensi kerajaan.

Sebagai sebuah negara yang memiliki tanah pertanian yang luas, Malaysia tidak sepatutnya berhadapan dengan isu kekurangan bekalan makanan apatah lagi mencapai tahap krisis.

Sumber kita mencukupi jika semua pihak memberikan komitmen dan mengusahakan setiap mandat yang diterima secara bersungguh.

Tetapi malangnya itu tidak dilakukan. Sebab itu, daripada keseluruhan tanah pertanian untuk tujuan pengeluaran makanan hanya 16 peratus sahaja yang dimanfaatkan. Hasilnya, tahun lalu nilai import makan kita adalah RM75 bilion berbanding eksport RM44.6 bilion. Maknanya defisit perdagangan produk makanan berjumlah RM31 bilion, 24.3 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Jika keadaan ini berterusan ia boleh menjejaskan sekuriti makanan kita.

Apa yang sukar untuk dihadam ialah, negara kita ada tanah mencukupi untuk pengeluaran makanan, tetapi kenapa tidak ada usaha bersungguh-sungguh ke arah itu?

Usaha untuk memastikan kita mempunyai bekalan makanan mencukupi telah dilakukan sejak tahun 1970-an melalui Rancangan Buku Hijau (RBH) pada 1974. Tujuannya untuk menjamin sekuriti makanan. Namun tidak membuahkan hasil seperti diharapkan.

Allahyarham Tun Abdul Razak ketika melancarkan RBH dengan jelas menyatakan kita perlu memanfaatkan tanah untuk pengeluaran makanan.

“Amatlah penting dan mustahak kita menjayakan dengan sepenuhnya rancangan ini supaya segala bahan makanan yang diperlukan oleh negara kita yang kaya dengan hasil bumi dan tanahnya yang cukup subur, dapat kita hasilkan sendiri,” ucap Tun Razak ketika itu.

RBH dilancarkan ketika dunia berhadapan dengan ancaman Perang Arab-Israel 1973 menyebabkan krisis minyak ekoran negara-negara Arab melakukan sekatan eksport terhadap Amerika Syarikat (AS), seterusnya mengakibatkan kesan berganda apabila kos pengangkutan dan eksport meningkat.

Kini dunia boleh dikatakan berhadapan dengan situasi serupa di mana perang Rusia-Ukraine menjejaskan bekalan makanan dunia termasuk meningkatkan kos.

Tetapi kita Malaysia seolah-olah tidak pernah mengambil iktibar. RBH yang dilancarkan pada 1974 dilaksanakan secara acuh tidak acuh (mungkin boleh dianggap gagal).

Di era zaman moden kita lancarkan sekali lagi dasar berkaitan pengeluaran makanan iaitu Dasar Agromakanan Negara bagi tempoh 2011 hingga 2020. Pada 2021 dilancarkan sekali DAN 2.0 2021-2030. Tumpuannya khusus kepada usaha mempertingkat sekuriti makanan negara.

Namun berdasarkan kepada situasi sekarang ia tidak mencapai matlamat yang diharapkan kerana import makanan kita terus meningkat dan tanah-tanah pertanian kita tinggal terbiar ditumbuhi semak samun. Kita ada tanah yang luas dan subur, tetapi rakyat tidak cukup makanan.

Mungkin kerajaan kena lihat semula kewujudan agens-agensi berkaitan pertanian dan makanan ini. Kewujudan mereka seolah-olah tidak memberi apa-apa kesan kepada industri pertanian kita hingga negara terus dibelenggu dengan defisit import makanan.

Keadaan ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana jumlah penduduk makin bertambah dan permintaan untuk makanan sudah tentu akan meningkat berkali ganda. Sedangkan kita masih teraba-raba mencari solusinya.


*Aznan Bakar adalah Pengarang Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia*



Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bohong diri pasal padi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 32 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 387 cm² |
| Journalist | KADIR JASIN | AdValue | RM 8,204 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,613 |



# Bohong diri pasal padi



ASAM PEDAS

A KADIR JASIN

Kita sudah lama tidak mengalami keadaan perang. Yang terakhir adalah darurat 1948-60 apabila bekalan makanan dikawal supaya tidak jatuh ke tangan pasukan bersenjata komunis.

Tetapi tiba-tiba, 66 tahun lepas merdeka, dan dalam keadaan aman rakyat jelata mengeluh mengenai kenaikan harga bahan-bahan makanan dan kekurangan bekalan beras.

Ini adalah keadaan yang sangat membimbangkan. Malah ia sudah menular sehingga menyebabkan kerencatan di kalangan kanak-kanak keluarga miskin meningkat semula.

Mengapakah hal ini terjadi di Malaysia yang buminya luas serta subur dan cuacanya baik? Jawapannya ialah kerana kerajaan cakap tidak serupa bikin dan rakyat jelata leka dengan subsidi dan gula-gula pilihan raya.

Baguslah kalau Kerajaan Perpaduan ini (dan mana-mana juga pentadbiran di masa akan datang) merancang membelanjakan RM3 bilion bagi memperbaiki prasarana persawahan. Itulah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Alor Setar 15 Julai lalu.

Walaupun jumlah RM3 bilion itu tidaklah besar berbanding puluhan bilion ringgit yang dibelanjakan membina prasarana pengangkutan bandar, ia tetap dialu-alukan.

Saya selalu ungkit janji kerajaan tahun 2006 akan membelanjakan penjimatan subsidi petrol sama rata di kalangan semua rakyat jelata yang terkesan dengan kenaikan harga bahan bakar.

Sebanyak RM50.2 bilion dianggarkan sedang dibelanjakan bagi meluaskan sistem transit bandar tetapi amat sedikit bagi menaikkan taraf prasarana pertanian, khususnya persawahan.

Tidak peliklah kalau daripada banyak kawasan padi di negara kita ini, hanya Sekinchan lengkap dengan sistem perparitan tertier. Yang lain boleh dikatakan hanya separuh jalan. Apabila bekalan beras dunia merosot, eksport disekat dan harga melambung, barulah timbul macam-macam cerita tipu diri dalam pengeluaran dan pemasaran beras negara.

Bukan perkara baru pun. Sudah dialami dan diketahui berdekad-dekad lamanya. Misalnya pergantungan kepada orang tengah, sawah milik orang Melayu yang dipajak kepada orang bukan Melayu, khususnya Cina, keluasan bendang yang semakin sempit kerana faraid dan tukar guna tanah, keracunan tanah kerana penggunaan baja kimia berlebihan dan lumpur semakin dalam akibat penggunaan jentera pertanian yang terlalu berat.

Tidak seperti pesawah Jepun yang menggunakan alat jentera yang sesuai dengan bumi mereka dan pesawah Thailand yang pandai mereka-cipta dan menyesuaikan alat jentera, petani kita kurang teknologi dan terlalu bergantung kepada apa yang disediakan oleh orang tengah. Berkenaan kenaikan mendadak harga beras import, minta maaflah saya guna istilah "bodoh". Hanya orang bodoh saja membenarkan kenaikan begitu besar - 36 peratus - sekali gus.

Saya minta pandangan seorang bekas eksekutif kanan Bernas mengenai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meminta pengilang padi menyerahkan 20 peratus kuota mereka untuk diproses oleh Bernas bagi menghasilkan beras putih tempatan.

Katanya, langkah itu tidak masuk akal dan memalukan. Kerajaan membenarkan kenaikan harga beras import terlalu tinggi. Tidak dapat tidak, peniaga akan mencampurkan beras tempatan dengan beras import bagi tujuan membuat keuntungan. Apatah lagi apabila perbezaan harga beras tempatan dan import terlalu besar.

Kata beliau, kerajaan sepatutnya memikirkan sedalam-dalamnya sebelum membenarkan kenaikan harga yang besar seperti itu dan membuat persediaan terperinci. Inilah yang sepatutnya menjadi tanggungjawab dan amanah pengimport tunggal seperti Bernas.

Katanya, tugas mereka adalah memantau aliran pembekalan dan perdagangan beras dunia serta membuat ramalan yang tepat supaya boleh melakukan pembelian pada harga terbaik dan menyimpan stok.

Maaf cakaplah kalau saya kata, perkembangan terbaru ini nampak seolah-olah Bernas menghadiahkan RM60 juta kepada kerajaan untuk diagih-agihkan kepada pesawah dan dengan sekelip mata harga import naik 36 peratus.

Boleh jadi tidak semua orang tahu yang melalui Bernas Malaysia mengimport 1.24 juta tan metrik beras tahun lalu, meningkat daripada 1.16 juta tan tahun 2021.

Kesimpulannya, bala yang sedang menimpa kita dalam bentuk kenaikan harga beras import dan kekurangan bekalan beras tempatan ini adalah akibat dasar, perancangan dan pelaksanaan jangka panjang dan pendek yang compang-camping, banyak cakap dan berbohong kepada diri sendiri.

** Datuk A Kadir Jasin ialah Tokoh Wartawan Negara*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Chong Siang: Shortage of rice and sugar is caused by panic purchase | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (East Coast) | | |
| Date | 10 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 8,439 |
| Page No | 3 | Readership | 25,317 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 168 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 506 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,518 |



# 沈春祥：白米白糖雞蛋短缺
# "恐慌性搶購造成"

（关丹9日讯）彭亨消费人事务与人力资源委员会主席沈春祥指出，日前彭亨州内传出鸡蛋、白糖、白米短缺问题，主要与供应现金交易和恐慌性购买（panic buying）有关。

"事实上白糖和鸡蛋的供应充足，若民众没有恐慌性抢购和囤货，就不会发生短缺的现象。"

他今早在关丹为"2023年度第37届全国华小华语演讲暨笔试比赛（彭亨州级赛）主持开幕仪式后，受询粮食短缺的情况时如是说。

他指出，经过调查，有关的粮食短缺，主要是因为供应商因利润少而要求收取现金，而商家则要求两三个月的帐期，两者无法达成协议，导致一些商家出现货源短缺。

"另一个情况是民众收到消息后，因担心缺货，赶紧去抢购囤货，造成供应不及而出现短缺。"

他表示，民众也倾向于前往同一个超市进货，一旦有关超市缺货时，就会出现缺糖、缺蛋、蛋荒等等的投诉，事实上，有关超市周边商店依然有货和供应充足。

他说，传出糖、蛋、油短缺的主要是马兰地区，另外，士满慕州议员陈俊广也反映，关丹灿丽园有白糖和白米短缺情况，而文德甲日前因恐慌性购买造成白米短缺。

"白米是由农业及粮食安全部管制，所以我们若调查和发现短缺，会提呈报告给该部以采取行动。"

## 粮食供应充足 民众别慌

他表示，目前彭亨州的粮食供应充足，并劝请民众勿恐慌抢购。与此同时，内贸部每月举办两次的爱心促销活动也供应鸡蛋、白糖、白米、食油让消费者选购，希望减轻民众的负担。

另外，他提到彭亨州食肆需统一规范餐单的措施说，目前彭亨州大多数食肆业者已经知道和遵守这项措施，并且大大减少了消费者的投诉。

"目前只欠劳勿、立卑和而连突需要再安排与当地业者面谈宣传，因为当地未有代表性公会可以协助召开会议讲解这项措施，以致业者还未获得全面的讯息。"

他表示，他较早前到武吉丁宜和梧桐再也与商家面谈后，商家遵守该措施后，消费者投诉已大幅度减少。

"目前还是适应期，所以执法人员不会直接向商家开出罚单，商家不必担心。"



沈春祥：日前彭亨州传出蛋、白糖等短缺问题，主要与供应现金交易和恐慌性购买有关，事实上各粮食供应充足。（梁镇强摄）

Powered by: isentia